

# Projek Bangi Gateway rancak

Pembangunan fasa kedua terima tempahan 50 peratus sebelum dilancar

Oleh Nor Fariza Ramlan  
bhbiz@bharian.com.my

© SYARAFIQ ABD SAMAD | BERITA HARIAN

**K**LIA Premier Holdings Sdn Bhd pengurus pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), berkata projek terbarunya, Bangi Gateway Office & Service Suites, sudah menerima tempahan sebanyak 50 peratus sebelum ia dilancarkan.


Ia sekali gus mencerminkan prospek permintaan serta reputasi mantap bagi hartanah dibinanya khususnya di kawasan Bangi yang sedang pesat membangun.

Ketua Eksekutif, KLIA Premier Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Jamilus Hussein, berkata pembangunan itu adalah fasa kedua dalam pembangunan Bangi Gateway di kawasan berkeluasan 12.14 hektar.

"Bangi Gateway Tower berkonsepkan runcit, SOHO serta hotel adalah yang pertama di Bandar Baru Bangi akan siap pada 2014," katanya selepas pelancarannya di Wisma KLIA Holdings, di Bangi semalam.

Bangi Gateway Office & Service Suites adalah bangunan lapan tingkat terdiri daripada pejabat korporat, suite rundingan, dewan mesyuarat, premis makanan dan akses mudah pusat beli-belah berhampiran serta pusat perubatan.

Ia terletak di lokasi strategik berhampiran lebuh raya utama terus



**JAMILUS** (dua dari kanan) bersama Penasihat Korporat Tradewinds, Tan Sri Dr Mohd Noor Ismail (kiri) melihat replika bangunan Bangi Gateway di Wisma KLIA Holdings, Seksyen 6, Bangi, semalam. Turut kelihatan CEO Medical Interest Group, Shaharom Md Shariff (tiga dari kiri) dan Naib Presiden, A Rahman Safar (dua dari kiri).

ke Persiaran Wawasan.

Nilai pembangunan kasarnya (GDV) bagi keseluruhan projek Ba-

lah RM 120 juta.

Bangunan ini akan mempunyai kawalan keselamatan 24 jam de-

muatkan 350 individu pada satu masa serta sambungan Internet fiber optik.